

---

## 800 pelajar UMP sertai gotong-royong tingkatkan kemahiran insaniah

Kira-kira 800 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) terlibat dengan program gotong-royong Komuniti Rakan Siswa (RAKSI) 2009 untuk membersihkan kawasan sekitar kampus dalam usaha bagi meningkatkan kemahiran insaniah pada 4 April 2009 yang lalu.

Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) Profesor Dr. Abd. Jalil Borham berkata, program membabitkan penuntut tahun pertama itu diadakan bagi meningkatkan kemahiran insaniah sebelum menghadapi alam pekerjaan kelak.

Menurutnya, pelajar perlu bijak dalam bidang akademik, namun aspek kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan, berfikiran kritis, berakhlak tinggi dan menjaga keterampilan diri juga ditekankan.

“Pelajar juga perlu tahu bagaimana mengawal emosi serta pandai menukar suatu masalah menjadi satu peluang,” katanya ketika merasmikan program ‘My UMP My Home’ di UMP baru-baru ini.

Program tersebut turut dihadiri oleh Jawatankuasa Pelajar Kolej dan felo- felo kolej kediaman serta staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Abd. Jalil berkata, program itu mengandungi dua modul dalam meningkatkan pembangunan komuniti dan menghadapi alam pekerjaan kelak.

“Terdapat empat fokus utama iaitu kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah dan etika serta moral professional,” katanya.

Ia merupakan pendedahan yang baik untuk pelajar agar mereka dapat menjiwai suasana dan mengamalkan kerja berpasukan seperti gotong-royong membersihkan kawasan kampus dengan konsep mencegah Aedes dan Chikungunya walaupun tiada sebaran kes dilaporkan sebelum ini,” katanya selepas merasmikan program RAKSI di sini.

Menurutnya, program ini juga dapat menanamkan semangat kesukarelawanan, kerjasama, kecaknaan dan sayangkan tempat menimba ilmu mereka.

Selain itu, ia juga dapat meningkatkan imej universiti di mata masyarakat sebagai sebuah institusi yang melahirkan bakal-bakal pemimpin di masa hadapan.